

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	4/12/2018

Malaysia lokasi pertama kampus cawangan universiti Jepun



Kementerian Pendidikan kami memutuskan untuk memenuhi permintaan Dr Mahathir dan meminda peraturannya”

Makio Miyagawa,
Duta Jepun ke Malaysia

Kuala Lumpur: Kampus cawangan universiti Jepun yang pertama di luar negara, besar kemungkinan diwujudkan di Malaysia, kata Duta Jepun ke Malaysia, Dr Makio Miyagawa.

Beliau berkata, berdasarkan polisi, universiti Jepun tidak pernah membuka kampus cawangan di luar negara, tetapi Kementerian Pendidikan Jepun baru-baru ini menukar dasarnya yang diilhamkan permintaan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Kementerian Pendidikan kami memutuskan untuk memenuhi permintaan Dr Mahathir dan meminda peraturannya untuk membenarkan universiti Jepun ditubuhkan di luar negara,” katanya.

Miyagawa berkata, kementerian itu sudah memaklumkan beberapa universiti di Jepun dan maklum balas setakat ini sangat positif, malah paling po-

sitif diterima daripada Universiti Tsukuba.

“Terdapat beberapa lagi universiti, tetapi Universiti Tsukuba kini berada di barisan hadapan. Universiti milik negara ini adalah antara universiti Jepun tertua dan ia melebarkan fungsinya merangkumi bidang penyelidikan di Jepun, yang turut memperoleh penghargaan Hadiah Nobel,” katanya.

Miyagawa berkata, isu pertama harus diatasi sebelum ia dapat direalisasikan berhubung status universiti adalah sebuah institusi, dijalankan dengan bantuan subsidi yang besar oleh kerajaan.

Yuran berpatutan

“Kerajaan Jepun mengekalkan dasar meletakkan yuran berpatutan untuk semua universiti milik kerajaan dengan menawarkan peluang sama kepada keluarga kaya dan miskin memilih universiti terbaik untuk

pelajar mereka.

“Jadi, masalah serius kami hadapi sekarang ialah walaupun Universiti Tsukuba berminat menubuhkan kampus cawangan di Malaysia, mereka memerlukan tawaran sektor awam atau swasta Malaysia untuk menyediakan bangunan dan kemudahan dalaman, sekurang-kurangnya pada awal tahun,” katanya.

Isu lain ialah mengenai jumlah pelajar Malaysia atau di Asia Tenggara yang akan memasuki universiti itu dan sama ada biasiswa akan ditawarkan, jika yuran dinaikkan.

Sebelum universiti mewujudkan kampus cawangan di luar negara, ia harus mengatasi masalah ini terlebih dulu.

Miyagawa berkata, ini memerlukan kerjasama Kerajaan Malaysia dan beliau sudah berusaha menggerakkannya bagi merealisasikan permintaan Perdana Menteri.

Menceritakan latar belakang perubahan hubungan Malaysia-Jepun ini, Miyagawa berkata, apabila Dr Mahathir melawat Jepun pada Jun lalu, beliau bercakap mengenai rancangan memulihkan dan memberi nafas baharu Dasar Pandang ke Timur yang beliau perkenalkan ketika menjadi Perdana Menteri kali pertama pada 1980-an.

Permintaan tinggi

Beliau berkata, Dr Mahathir melihat kemungkinan permintaan tinggi dalam kalangan anak muda Malaysia belajar di institusi pendidikan tinggi Jepun dan ini tentu sangat mahal.

“Jadi timbul idea meningkatkan Dasar Pandang ke Timur supaya pelajar yang menuntut di Jepun dan Malaysia dapat mengurangkan kos dengan mempelawa universiti Jepun menubuhkan kampus cawangan di Malaysia,” katanya.

BERNAMA

BH- 4/12/2018 m/s: 1X ✓